

01 DEC 1997

PM HARAP PERATURAN DAGANGAN MATA WANG AKAN DILAKSANAKAN SEGERA

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap cadangan Malaysia untuk mengawal selia urusan niaga mata wang akan dilaksanakan secepat mungkin, meskipun ia mungkin mengambil masa.

"Mungkin setahun atau dua tahun. Saya harap tak lama," katanya kepada pemberita di sini hari ini selepas merasmikan mesyuarat-mesyuarat menteri kewangan Asean, Asean Campur Enam dan persidangan mengenai inisiatif kewangan bagi abad ke-21.

Dr Mahathir berkata Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) akan mengumumkan perakuannya kepada cadangan itu pada mesyuaratnya April ini.

Pemimpin negara-negara anggota forum Perundingan Ekonomi Asia (Apec) telah juga menyatakan pada mesyuarat mereka di Vancouver baru-baru ini bahawa mereka akan menunggu IMF membuat perakuannya itu, kata beliau.

Dr Mahathir menegaskan tidak salah bagi IMF membuat perakuan itu tetapi, oleh kerana urusan niaga mata wang dianggap sebagai perdagangan, maka ia seharusnya tertakluk di bawah bidangkuasa Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri menyeru WTO mengawal selia urusan niaga tukaran mata wang asing, dan menyerahkan tugas penyeliaan pasaran kepada IMF.

"IMF seharusnya terus menyelia tetapi, jika urusan niaga mata wang merupakan perdagangan, WTOlah yang seharusnya merumuskan peraturan. Dengan demikian semua negara bebas untuk merumuskan peraturan, yang seharusnya dicipta untuk merangsang ekonomi dunia dan bukannya membuat mereka miskin," katanya.

Apabila ditanya oleh pemberita kemudiannya tentang sama ada tempoh menunggu satu atau dua tahun terlalu lama, Dr Mahathir berkata, "Kalau boleh saya mahu hari ini. Tetapi, itu bukan kuasa saya dan saya tahu, setiap kali saya buka mulut, ringgit semakin jatuh."

Ditanya tentang perkara-perkara yang akan ditimbulkan apabila beliau dan pengarah urusan IMF Michel Camdessus bertemu, beliau berkata: "Hanya perkara umum. Kawalan selia ke atas semua dagangan, jika perlu."

Dr Mahathir juga menolak desas desus bahawa mesyuarat beliau dengan Camdessus adalah untuk meminta bantuan daripada IMF.

"Tidak, saya tidak membincangkan soal meminta bantuan daripada IMF walaupun saya diberitahu bahawa jika saya kata begitu, kita akan mengalami keadaan terdesak sekali lagi hingga memaksa kita akhirnya meminta bantuan IMF," kata beliau.

Dr Mahathir berkata perbincangan mereka lebih tertumpu kepada soal bagaimana hendak mengawal selia dan menjadikan dagangan mata wang bermanfaat kepada semua orang di dunia.

Ditanya sama ada benar bahawa Jepun dan Amerika Syarikat tidak berminat untuk menyumbang kepada dana cadangan Asia bagi membantu negara-negara Asia Tenggara, beliau berkata, "Jepun telahpun menyatakan minatnya tetapi saya tidak tahu tentang Amerika Syarikat, tetapi mereka (AS) memang merasakan bahawa sebarang bantuan atau dana haruslah melalui IMF."

Perdana Menteri menjelaskan Malaysia berpendapat dana persediaan Asia tidak seharusnya menjadi acara sampingan IMF dan tertakluk kepada syarat-syarat IMF.

Beliau menambah kata bahawa perbincangan berkaitan dana Asia yang diadakan di Manila baru-baru ini adalah peringkat yang amat rendah.

"Perbincangan yang diadakan itu adalah di kalangan timbalan-timbalan

menteri. Ia tidak mengikat. Mereka hanya mencadangkan bagaimanapun dana Asia patut digunakan, tetapi tentulah apa yang mereka putuskan itu tertakluk kepada pengesahan menteri dan akhirnya oleh kerajaan masing-masing" katanya. -- BERNAMA

AA KY MA